



Semua unit rumah PPAM adalah bersubsidi dan akan dikenakan moratorium 10 tahun.

(Foto hiasan)

Pesara, kakitangan lantikan kontrak layak mohon PPAM

Permohonan turut terbuka kepada semua penjawat awam sedang berkhidmat

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesara kerajaan yang memiliki kad pesara, anak pesara dan penjawat awam melalui lantikan kontrak kini layak memohon Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).
Jabatan Perdana Menteri da-



lam satu kenyataan memaklumkan, permohonan PPAM juga terbuka kepada semua penjawat awam yang sedang berkhidmat membabitkan Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkualifikasi Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri.

Katanya, kelayakan permohonan bagi PPAM adalah untuk warganegara Malaysia yang terbuka kepada semua penjawat

awam melalui lantikan tetap.

Rumah PPAM bersubsidi

"Kelayakan permohonan membabitkan penjawat awam yang sudah bersara dan memiliki kad pesara, penjawat awam melalui lantikan tetap dan kontrak termasuk anak pesara kerajaan yang mana semua boleh memohon lebih daripada satu projek," menurut kenyataan itu, semalam.

Semua unit rumah PPAM adalah bersubsidi dan akan dikenakan moratorium selama 10 tahun.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklum balas, penjawat awam boleh menghantar e-mel kepada bantuan.pam@jpm.gov.my atau layari www.pam.gov.my.

MEF sokong laksana Dasar Gaji Progresif

Kuala Lumpur: Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) menyokong sepenuhnya pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang disifatkan inisiatif terbaik dan tidak pernah lagi dilakukan mana-mana kerajaan sebelum ini bagi membantu menangani masalah gaji pekerja.

Presidennya, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, berkata dalam libat urus bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turut dihadiri MEF, dasar itu dijangka dilaksanakan pada Mac atau April tahun depan.

Katanya, selepas mesyuarat MTEN, kertas putih akan dihantar ke Kabinet untuk mendapatkan kelulusan dan selepas itu mendapatkan kelulusan daripada bajet pula.

"Pelaksanaannya pula akan diperhalusi lagi dengan mengambil kira pandangan daripada semua pihak berkepentingan sebelum mereka melancarkannya nanti. Pelaksanaannya saya jangkakan pada Mac atau April tahun depan.

"Isu terbesar pelaksanaan dasar ini adalah kos yang tinggi kerana membabitkan subsidi daripada kerajaan.

"Perbelanjaan sebenar akan diperolehi apabila kerajaan memutuskan pekerjaan daripada sektor dan kategori mana yang mahu disubsidikan dan dijangkakan membabitkan berbilion ringgit untuk seluruh negara.

"Pemberian subsidi ini masih dalam peringkat kajian dan belum dimuktamadkan," katanya kepada BH.

Anwar kelmarin mengumumkan bahawa Kabinet akan mem-

bincangkan Dasar Gaji Progresif bagi memperhalusi pelaksanaannya secara berperingkat.

Perdana Menteri berkata, ia juga bagi meneroka keperluan memperuntukkan dana sebagai insentif dasar yang akan ditentukan mengikut kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

Mengulas lanjut, Syed Hussain menyifatkan kerajaan semasa sebagai satu-satunya kerajaan yang benar-benar mengambil berat mengenai pekerjaan dan kos sara hidup belia.

Katanya, kerajaan bertindak dengan amat bertanggungjawab untuk menangani jurang gaji dan kos sara hidup dengan pelaksanaan

skim subsidi tanpa membebankan majikan.

"Hal ini kerana pelaksanaan dasar ini adalah atas asas sukarela semata-mata untuk membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Mereka akan mendapat subsidi untuk gaji yang lebih tinggi dan peningkatan kemahiran dan latihan semula," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA), Datuk William Ng, berkata secara dasarnya persatuan itu setuju gaji di Malaysia masih rendah dan harus dinaikkan.

"Namun, adalah penting sebarang kenaikan gaji berdasarkan peningkatan produktiviti dan margin keuntungan syarikat.

"Oleh itu, selain memperkenankan dasar gaji progresif, kita perlu memberi lebih fokus kepada kenaikan produktiviti di tahap industri, syarikat dan individu," katanya.



Syed Hussain